

Headline	Tingkat penanaman semula pokok hutan		
MediaTitle	Sinar Harian (Selatan)		
Date	19 Sep 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	22	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	221 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,548
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,644



## Tingkat penanaman semula pokok hutan

MELAKA TENGAH - Bagi melestarikan lokasi pusat pentadbiran, Kerajaan Melaka merangka Pelan Tindakan Khas Pembangunan 'Urban Reparation Reforestation' untuk penanaman pokok hutan.

Ketua Menteri, Adly Zahari berkata, mekanisme yang sering wujud di negara-negara maju melibatkan kawasan sepanjang Sungai Putat hingga ke pusat pentadbiran kerajaan negeri di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC).

Menurutnya, ia sekaligus menjadikan Melaka negeri pertama di negara ini yang menggunakan kaedah tersebut bertepatan dengan slogan Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau, Bersih dalam memastikan negeri ini masih dapat mengekalkan kawasan kehijauan seiring dengan pembangunan terancang.

"Pelan tindakan itu juga akan dirangka melalui Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Jabatan Pengairan Saliran (JPS), Jabatan Perhutanan Negeri Melaka dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

"Konsep itu mampu memulihara 'Bio Diversiti' dan 'Ecological Network' agar



Adly (tengah) menyempurnakan Majlis Perhimpunan Bulanan Kerajaan Negeri, semalam.

kadar serapan nutrien berada pada tahap tertinggi. Secara tidak langsung menyerap karbon yang terhasil daripada aktiviti-aktiviti pembangunan khususnya di kawasan bandar," katanya.

Adly berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Perhimpunan Bulanan Kerajaan Negeri anjuran Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Melaka di Seri Negeri, Ayer Keroh, di sini, semalam.

Adly berkata, langkah itu juga mampu mengimbangi kadar pelepasan karbon untuk memenuhi keperluan oksigen penduduk bagi meningkatkan keluasan hutan negeri ini yang berbaki 3.14

peratus.

"Kalau mengikut (data) Jabatan Perhutanan Negeri Melaka, kawasan hutan di negeri ini hanya tinggal 3.14 peratus.

"Namun bilangan itu tidak termasuk kawasan-kawasan hijau seperti kawasan tanaman sawit, hutan rekreasi dan sebagainya," katanya.

Dalam pada itu, kerajaan negeri juga merancang menghijaukan kawasan dan tanah-tanah terbiar yang tiada dalam pelan pembangunan dan pelaburan termasuk di kawasan tambakan laut Klebang dan Banda Hilir bagi keperluan generasi akan datang.